

# ING INSURANCE BERHAD

(ING Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)

<b>PB CASH SECURE (PBCS)</b> <b>HELAIAN PEMBERITAHUAN PRODUK</b> (Sila baca Helaiian Pemberitahuan Produk ini untuk memahami produk ini dengan lebih baik. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am Kontrak Polisi.)	<b>Pengedar &amp; Alamat:</b> Public Bank Berhad 20 <sup>th</sup> Floor, Menara Public Bank 146 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur
---	---

## 1. Apakah ciri-ciri produk ini?

PB Cash Secure (**PBCS**) ialah pelan insurans bertempoh tanpa penyertaan yang menyediakan bayaran sekaligus apabila berlaku kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal. Polisi ini boleh diperolehi bagi tempoh 20 tahun dan ditawarkan kepada pemegang akaun Public Bank Berhad yang berumur di antara 18 dan 54 tahun.

*Produk ini direka untuk tujuan perlindungan. Sila rujuk Penyata Maklumat Polisi untuk maklumat faedah-faedah pelan yang dipilih dan jumlah premium yang perlu dibayar.*

## 2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?

Faedah-faedah	Jenis Pelan		
	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
Kematian / Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (selain daripada akibat kemalangan)	75,000	100,000	125,000
Kematian / Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (akibat kemalangan)	150,000	200,000	250,000
Kematian / Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (akibat kemalangan semasa berada di tempat/ kenderaan awam tertentu)	225,000	300,000	375,000
Pembayaran Balik Premium	Pada akhir setiap tahun ke-5, ke-10, ke-15 dan ke-20, amaun yang bersamaan dengan bayaran premium untuk satu (1) tahun (sekiranya tiada tuntutan dibuat)		

## 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium adalah berdasarkan jenis Pelan yang dipilih dan ianya adalah dijamin. Anda boleh merujuk kepada Penyata Maklumat Polisi yang dilampirkan untuk jumlah tepat yang perlu dibayar kepada ING Insurance Berhad.

Umur (tahun)	Kadar Premium (RM)					
	Pelan 1		Pelan 2		Pelan 3	
	Bulanan	Tahunan	Bulanan	Tahunan	Bulanan	Tahunan
18 to 29	43	516	56	672	69	828
30 to 34	56	672	73	876	91	1092
35 to 39	75	900	98	1176	122	1464
40 to 44	111	1332	145	1740	180	2160
45 to 49	164	1968	215	2580	266	3192

50 to 54	250	3000	327	3924	405	4860
----------	-----	------	-----	------	-----	------

Cara pembayaran Premium : Autodebit dari akaun simpanan anda di Public Bank Berhad.

#### 4. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang saya perlu tahu?

- a) **Kewajipan pendedahan** – Anda harus mendedahkan sepenuhnya semua maklumat yang penting untuk insurans ini kepada ejen tele-pemasaran kami. Apabila terdapat keraguan, sama ada sesuatu fakta itu berkaitan atau tidak, adalah lebih baik untuk anda mendapatkan penjelasan. Sekiranya gagal untuk mendedahkan atau memberikan maklumat yang salah akan mana-mana fakta penting, insurans yang diberikan boleh ditaksahkan.
- b) **Tempoh Percubaan** – Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan Polisi ini atas sebarang sebab sekalipun, anda boleh memulangkannya kepada kami dalam tempoh 15 hari dari tarikh polisi ini dihantar kepada anda. Kami akan membatalkan Polisi ini dan memulangkan kepada anda semua premium yang telah dibayar selepas menolak sebarang perbelanjaan untuk pemeriksaan perubatan (jika ada).
- c) **Tempoh Tenggang** – 30 hari dari tarikh premium perlu dijelaskan.
- d) **Penamaan** – Anda digalakkan untuk melantik penama (penama-penama) di dalam borang penamaan yang dilampirkan untuk mempercepatkan penyelesaian tuntutan. Sila pastikan bahawa penama anda mengetahui tentang polisi yang anda telah beli.

#### **Notis penting:**

- i) *la mungkin akan merugikan jika anda bertukar dari satu pelan ke pelan yang lain kerana anda mungkin dikenakan syarat-syarat pengunderaitan yang baru dan syarat-syarat pra-wujud polisi insurans baru.*
- ii) *Sila simpan salinan penyata akaun bank anda sebagai bukti pembayaran.*
- iii) *Sila ambil perhatian bahawa had-had, terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Helaian Pemberitahuan Produk ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk faedah-faedah, had-had, terma-terma dan syarat-syarat yang terperinci. Kandungan kontrak polisi akan mengatasi mana-mana percanggahan antara Helaian Pemberitahuan Produk dan kontrak polisi.*

#### 5. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Pelan ini tidak melindungi:

- i. **Kematian selain daripada akibat kemalangan:**  
Membunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Terbitan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi ini, yang mana yang kemudian.
- ii. **Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal selain daripada akibat kemalangan**
  - (a) sebarang kecederaan anggota yang disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman, atau
  - (b) perjalanan atau penerbangan di dalam atau di atas mana-mana jenis pesawat udara kecuali berada di dalam penerbangan penumpang berjadual biasa pesawat komersil; atau
  - (c) sebarang aktiviti ketenteraan semasa berkhidmat dengan perkhidmatan tentera; atau
  - (d) peperangan, perang saudara, serangan, tindakan musuh asing, tindakan menyerupai peperangan; atau
  - (e) penyakit pra-wujud; atau
  - (f) terlibat dalam sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang.

**iii. Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat kemalangan**

- (a) bunuh diri, sebarang kecederaan anggota yang disengajakan sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman, kelakuan tidak senonoh pada pihak Orang Yang Diinsuranskan, atau apabila sengaja mendedahkan dirinya kepada bahaya yang tidak perlu; atau
- (b) terlibat dalam sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang; atau
- (c) yang dialami semasa di bawah pengaruh narkotik; atau
- (d) yang dialami semasa melakukan aktiviti memburu, mendaki gunung atau berlumba kenderaan bermotor atau motobot atau sebarang aktiviti yang berbahaya; atau
- (e) akibat peperangan, serangan, tindakan musuh asing, aktiviti-aktiviti pengganas, pertempuran atau operasi menyerupai peperangan, perang saudara, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa atau tindakan mana-mana pihak berkuasa berperlembagaan yang sah di sisi undang-undang; atau
- (f) sebarang aktiviti ketenteraan semasa berkhidmat dengan perkhidmatan tentera; atau
- (g) berpunca daripada perjalanan atau penerbangan di dalam atau di atas mana-mana jenis pesawat udara kecuali berada di dalam penerbangan penumpang berjadual biasa pesawat komersil; atau
- (h) akibat daripada rawatan perubatan atau pembedahan yang tidak disebabkan oleh apa-apa kemalangan, atau akibat daripada kehamilan atau melahirkan anak; atau
- (i) akibat daripada rawatan perubatan atau pembedahan yang disebabkan oleh kemalangan yang berpunca daripada tindakan dan peristiwa yang dikecualikan dalam (a) hingga (g), termasuk yang dinyatakan di atas.

***Nota:** Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi anda untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian di bawah Polisi ini.*

**6. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?**

Pembelian polisi hayat merupakan suatu komitmen kewangan jangka panjang. Sekiranya anda tidak membayar premium dalam masa 30 hari tempoh tenggang yang diberikan, polisi anda boleh terluput melainkan ia telah memperoleh nilai tunai. Amaun tunai yang akan dibayar oleh syarikat insurans kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum tempoh matang adalah sangat kurang berbanding jumlah amaun premium yang telah anda bayar.

**7. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memberitahu ING akan sebarang perubahan kepada butir-butir peribadi anda seperti pertukaran alamat supaya kami boleh terus berhubung dengan anda berkaitan maklumat penting. Anda juga perlu memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat perubahan kepada alamat-alamat penama-penama anda supaya memudahkan pembayaran tuntutan.

**8. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Polisi ini diunderait oleh ING Insurance Berhad. Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Insurans Hayat, sila rujuk risalah insuranceinfo berkenaan 'Insurans Hayat', yang boleh didapati di semua Pusat Perkhidmatan ING. Anda juga boleh melawat laman web insuranceinfo di [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my) atau laman web ING di [www.ing.com.my](http://www.ing.com.my). Untuk maklumat lanjut tentang prosedur tuntutan, sila rujuk kepada laman web ING.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Bancassurance, ING Insurance Berhad (17007-P)  
23<sup>rd</sup> Floor, Menara Boustead,  
71, Jalan Raja Chulan,  
50200 Kuala Lumpur.  
Tel. : 03-2058 4838  
Faks : 03-2078 3242  
Talian Bebas Tol : 1-800-181-464

**9. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang boleh didapati**

Sila hubungi ING untuk pelan-pelan lain dari jenis yang sama yang ditawarkan oleh ING Insurance Berhad

**NOTA PENTING:**

**PEMBELIAN POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN SUATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA JUGA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA DAN MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan di dalam helaian pemberitahuan ini dicetak pada April 2010.

Sekiranya versi terjemahan Helaian Pemberitahuan Produk ini bertentangan dengan versi Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan digunakan sebagai rujukan.